

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	03 FEB 2015

Kooi Ong nafi manipulasi Tun Dr. Mahathir um - 3/2/2015

KUALA LUMPUR 2 Feb. - Selepas menafikan dirinya sebagai pensabotaj ekonomi negara, Datuk Tong Kooi Ong hari ini menafikan cetakan skrin perbualan sosial yang mengaitkannya dalam memanipulasikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk memberi gambaran negatif terhadap ekonomi Malaysia dan menjatuhkan nilai ringgit.

Kooi Ong yang juga pemilik syarikat media, Kumpulan The Edge serta portal propembangkang, *The Malaysian Insider* berkata, cetakan skrin perbualan sosial yang

dipaparkan di dalam laman blog, *malaysianexpose.wordpress.com* itu adalah palsu.

"Semalam, blog ini mengeluarkan kenyataan palsu terhadap saya. Ini adalah blog yang sama pada 25 Januari lalu menuduh saya melakukan jualan singkat terhadap ringgit untuk 'memecahkan' Bank Negara dan menjatuhkan nilai ringgit.

"Kali ini, blog berkenaan telah memalsukan perbualan sosial dan



TONG KOOI ONG

menggunakannya untuk menuduh saya memanipulasikan Dr. Mahathir untuk menjatuhkan nilai ringgit.

"Blog ini juga menuduh saya menggunakan Kumpulan The Edge secara tidak bertanggungjawab untuk mencerminkan Malaysia dalam keadaan negatif demi kepentingan peribadi," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam entri *malaysianexpose.wordpress.com* semalam, satu cetakan skrin perbualan sosial telah disiarkan yang mendakwa Kooi Ong berbincang bersama seseorang bagi memanipulasikan 'orang tua' (Dr. Mahathir) untuk mengeluarkan berita-berita berbentuk negatif mengenai ekonomi negara.

Laman blog berkenaan kemudiannya mendakwa Kooi Ong melakukan perkara itu bagi menghancurkan ekonomi negara sebagaimana serangan mata wang yang pernah dilakukan George Soros dan seterusnya mengaut keuntungan peribadi.